



03 JUN, 2021

2 permohonan Rosmah ditangguh 17 Jun

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

2 permohonan Rosmah ditangguh 17 Jun

Pendengaran untuk gugurkan Sri Ram dari ketua pendakwaan

KUALA LUMPUR

Pendengaran permohonan Datin Seri Rosmah Mansor untuk membatalkan perbicaraan kes rasuah RM1.25 bilion terhadapnya membabitkan projek hibrid solar dan menggugurkan Datuk Seri Gopal Sri Ram sebagai ketua pasukan pendakwaan yang dijadualkan esok, telah ditangguhkan kepada 17 Jun.

Penolong Pendaftar Kanan Mahkamah Tinggi Nur Azizah Jaafar dalam e-mel kepada kedua-dua pihak berkata, Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan tarikh itu selepas mengkaji surat daripada peguam dan mendapatkan maklum balas daripada pendakwaan.

“Pendengaran pada 3 Jun menerusi aplikasi Zoom dengan kedua-dua pihak dijang-

ka mengemukakan hujahan masing-masing akan ditangguhkan susulan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh oleh kerajaan dan permohonan tersebut akan didengar di mahkamah terbuka pada 17 Jun.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib ketika dihubungi oleh *Bernama* mengesahkan penangguhan kedua-dua pendengaran.

“Difahamkan bahawa pembelaan telah memohon agar pendengaran permohonan itu didengar dalam prosiding mahkamah secara terbuka,” katanya.

Isteri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu telah memfailkan dua permohonan di Mahkamah Tinggi di sini pada 6 Mei lepas untuk membatalkan keseluruhan perbicaraan kes rasuah terhadapnya dalam usaha membebaskan diri daripada ketiga-tiga pertuduhan selain untuk menggugurkan Sri Ram daripada



ROSMAH MANSOR

mengetuai pasukan pendakwaan.

Rosmah, 69, memfailkan permohonan itu selepas Mahkamah Rayuan pada 8 April membenarkan rayuannya untuk mendapatkan salinan surat pelantikan Sri Ram setelah pendakwaan bersetuju memberi-

kannya kepada pasukan pembelaan.

Rosmah membawa perkara tersebut ke Mahkamah Rayuan selepas Mahkamah Tinggi menolak permohonannya untuk mendapatkan surat pelantikan Sri Ram pada 19 Ogos tahun lepas.

Surat pelantikan itu tidak bertarikh pada atau sebelum 15 November 2018 iaitu pada hari Rosmah didakwa di mahkamah dan tidak ditandatangani oleh Peguam Negara ketika itu, Tan Sri Tommy Thomas.

Sebaliknya surat berkenaan bertarikh 8 Julai tahun lepas dan ditandatangani oleh Peguam Negara ketika ini iaitu Tan Sri Idrus Harun. - *Bernama*



03 JUN, 2021

2 permohonan Rosmah ditangguh 17 Jun

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pendengaran untuk gugurkan Sri Ram dari ketua pendakwaan

Pendengaran permohonan Datin Seri Rosmah Mansor untuk membatalkan perbicaraan kes rasuah RM1.25 bilion terhadapnya membabitkan projek hibrid solar dan menggugurkan Datuk Seri Gopal Sri Ram sebagai ketua pasukan pendakwaan yang dijadualkan esok, telah ditangguhkan kepada 17 Jun.